

11/02/1997

Ramos minta usahawan Malaysia kekal pelaburan

PRESIDEN Fidel Ramos menggesa usahawan Malaysia mengekalkan pelaburan mereka di Filipina di sebalik keputusan yang bertentangan oleh mahkamah agung negara itu minggu lalu yang mencetuskan reaksi berhati-hati di Kuala Lumpur.

Pada 3 Februari lalu Mahkamah Agung Filipina mengisytiharkan tidak sah penjualan 51 peratus kepentingan dalam Hotel Manila yang bersejarah kepada Renong Overseas Corp Sdn Bhd, yang menyatakan bangunan seumpama itu mesti kekal di bawah kawalan rakyat Filipina.

Dalam reaksinya, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata: "Pelabur Malaysia akan lebih berhati-hati dan tidak melabur terlalu banyak di Filipina."

Ramos memberitahu pemberita semalam bahawa beliau berharap pelabur Malaysia terus melihat Filipina sebagai pelaburan yang menguntungkan.

"Saya berharap Malaysia secara keseluruhannya, kerajaan dan juga sektor perniagaan melihat secara total Filipina sebagai menarik, rakan dan destinasi pelaburan yang baik," kata Ramos.

Ramos menambah bahawa beliau percaya komen Dr Mahathir sebagai "biasa dan malah reaksi yang dijangkakan."

Keputusan mahkamah agung di negara itu menimbulkan kebimbangan di kalangan pelabur asing berhubung tawaran yang sudah diberikan kepada firma asing boleh dicabar oleh undang-undang.

Antara pelaburan Malaysia di Filipina, termasuk 4.575 billion-peso (AS\$175.9 juta) untuk loji rawatan air; 2.2 billion-peso kilang pemasangan automobil dan projek pembangunan pusat perangan serta janakuasa.

Ramos mengkritik mahkamah agung negara itu, yang menggunakan dasar "rakyat Filipina dahulu" dalam perlembagaan bagi membuat keputusan berhubung tawaran Hotel Manila.

Beliau mencadangkan pindaan ke atas perlembagaan bagi memastikan usaha memajukan ekonomi negara diteruskan walaupun selepas tempoh penggalnya berakhir pada 1998.

Setiausaha Kewangan, Roberto de Ocampo menggesa "masyarakat Filipina yang lain tidak menyertai kumpulan yang memperjuangkan dasar bersifat perlindungan bagi memastikan apa yang kita sudah mulakan boleh diteruskan."

Seorang tokoh perindustrian Filipina, Raul Concepcion berkata beliau tidak menjangka Malaysia akan menarik keluar pelaburannya yang sudah dibuat di Filipina tetapi menegaskan perhatian serius perlu diberikan berhubung keputusan mahkamah itu.

Baru-baru ini majoriti daripada 15 hakim yang menganggotai tribunal Mahkamah Agung Filipina menolak tawaran Renong untuk membeli Hotel Manila yang bertaraf lima bintang.

Renong membuat tawaran tertinggi untuk memilik hotel berusia 85 tahun milik Government Service Insurance System (GSIS) itu melalui lelongan awam, mengatasi tawaran yang dibuat oleh Manila Prince Hotel (MPH). - AFP

(END)